



Pengubahan Perintah Nafkah Anak Berdasarkan Kos Sara Hidup Daripada Perspektif Undang-Undang di Malaysia

Undang-Undang Keluarga

86

Changes in Child Maintenance Orders Based on The Cost of Living from A Legal Perspective In Malaysia

Submitted: 4 September 2024
Revised: 30 October 2024
Accepted: 30 October 2024
E-Published: 31 October 2024

ZANARIAH DIMON
(Corresponding Author)
ZAINI YUSNITA MAT JUSOH
Jabatan Undang-undang
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor
zanariah@uis.edu.my
zainiyusnita01@uis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti peruntukan pengubahan perintah nafkah anak berdasarkan kos sara hidup berdasarkan undang-undang keluarga di Malaysia. Tanggungjawab bapa untuk memberikan nafkah kepada anak-anak wujud sama ada semasa perkahwinan atau selepas perceraian. Ibu berhak mengemukakan tuntutan nafkah bagi pihak anak-anaknya, dan mahkamah akan mengeluarkan perintah nafkah berdasarkan keperluan semasa, kebajikan dan kecukupan anak, serta kemampuan bapa. Namun, perintah nafkah ini bukanlah mutlak, dan undang-undang membenarkan permohonan untuk mengubah perintah tersebut jika terdapat ketidakpuasan hati terhadap kadar yang ditetapkan. Kajian ini menganalisis isu-isu permohonan pengubahan perintah nafkah anak dalam konteks kos sara hidup sebagai elemen dalam perubahan matan dalam kes-kes yang dibicarakan di mahkamah syariah dan mahkamah sivil. Data diperolehi melalui analisis dokumen yang melibatkan sumber primer seperti jurnal-jurnal perundangan dan statut perundangan keluarga Islam dan sivil, serta sumber sekunder seperti artikel, buku, jurnal, akhbar, laman sesawang, dan kajian-kajian lepas. Analisis data dilakukan secara deskriptif dan komparatif. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan kos sara hidup merupakan faktor utama permohonan pengubahan perintah nafkah anak di kedua-dua jenis mahkamah. Kajian ini penting untuk memastikan kebajikan dan keperluan anak-anak diutamakan dalam kes-kes yang melibatkan pembayaran nafkah, serta mempertimbangkan kemampuan bapa sebagai pembayar nafkah.

Kata kunci: Perubahan, Perintah Nafkah Anak, Kos Sara Hidup, Undang-Undang Keluarga Islam, Undang-Undang Keluarga Sivil





ABSTRACT

This study aims to examine the changes in child support orders based on the cost of living by family law in Malaysia. The father's responsibility to provide child support exists whether during marriage or after divorce. Mothers are entitled to file child support claims on behalf of their children, and the court will issue support orders based on current needs, child welfare, and adequacy, as well as the father's ability to pay. However, these support orders are not absolute, and the law allows for modification requests if there is dissatisfaction with the determined amount. This study analyzes issues related to modification requests for child support orders in the context of the cost of living in both Shariah and civil courts. Data was collected through document analysis involving primary sources such as legal journals and statutes on Islamic and civil family law, as well as secondary sources such as articles, books, journals, newspapers, websites, and previous studies. Data analysis was conducted descriptively and comparatively. The findings indicate that the increase in the cost of living is a major factor for modification requests for child support orders in both types of courts. This study is crucial to ensure that the welfare and needs of children are prioritized in cases involving child support payments, while also considering the father's financial capacity as the primary provider.

Keywords: Changes, Child Support Orders, Cost of Living, Islamic Family Law, Civil Family Law

PENGENALAN

Nafkah merupakan hak yang wajib dipenuhi oleh individu yang bertanggungjawab terhadapnya, seperti isteri dan anak-anak, sama ada dalam tempoh perkahwinan atau selepas perceraian. Nafkah merangkumi keperluan asas yang diperlukan untuk menjamin kelangsungan hidup, termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan, pendidikan, dan lain-lain. Walaupun begitu, tidak terdapat ketetapan yang jelas mengenai kadar nafkah yang wajib dipenuhi, sama ada dalam perundangan mahupun dalam hukum syarak. Undang-undang Keluarga di negeri-negeri Malaysia hanya menetapkan bahawa penentuan kadar nafkah untuk isteri dan anak-anak haruslah dibuat berdasarkan kemampuan dan keperluan pihak-pihak yang terlibat, iaitu penanggung nafkah dan penerima nafkah.

Dalam konteks pemberian nafkah kepada anak-anak, bapa bertanggungjawab untuk menyediakan nafkah kepada mereka, sama ada semasa perkahwinan atau selepas perceraian, dan tanpa mengira anak-anak berada di bawah jagaan ibu, bapa, atau pihak lain. Oleh itu, selepas perceraian, ibu berhak menuntut nafkah bagi anak-anaknya, dan mahkamah akan mengeluarkan perintah nafkah berdasarkan pertimbangan seperti keperluan semasa, kebajikan, kecukupan anak-anak, dan kemampuan bapa. Walau bagaimanapun, perintah nafkah ini tidak bersifat mutlak dan kekal. Jika jumlah nafkah yang diperintahkan tidak mencukupi atau melebihi kemampuan penanggung nafkah akibat perubahan keadaan, undang-undang memberikan hak kepada pihak-pihak yang terlibat untuk memohon perubahan perintah nafkah di mahkamah. Kaedah ini juga terpakai kepada orang bukan Islam



dalam konteks pelaksanaan perintah nafkah anak mengikut undang-undang keluarga sivil.

Hasil kajian awal menunjukkan bahawa permohonan pengubahan perintah nafkah anak boleh berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuk perubahan status sosial, peningkatan kos sara hidup, peningkatan keperluan berdasarkan keadaan semasa, dan faktor-faktor lain. Oleh itu, penulisan artikel ini adalah bagi membincangkan peruntukan pengubahan perintah nafkah anak dalam undang-undang dan menganalisis setakat mana perubahan kos sara hidup mempengaruhi perubahan perintah nafkah tersebut.

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan utama kajian ini adalah mengenai asas perundangan yang membolehkan pengubahan perintah nafkah anak dilaksanakan mengikut undang-undang keluarga Islam dan sivil di Malaysia. Dalam konteks ini, undang-undang sivil dan Islam membenarkan permohonan pengubahan perintah nafkah jika terdapat perubahan signifikan atau perubahan matan dalam keperluan anak atau keupayaan bapa. Namun, interpretasi prinsip ini mungkin berbeza antara kedua-dua sistem perundangan. Kajian terhadap perbezaan ini boleh memberikan kefahaman yang lebih jelas mengenai peruntukan undang-undang yang membolehkan pengubahan perintah nafkah anak dilakukan.

Selain daripada itu, peningkatan kos sara hidup juga mempengaruhi jumlah nafkah anak yang diperlukan untuk memenuhi keperluan semasa mereka. Faktor ekonomi seperti inflasi, harga barangan dan perkhidmatan, serta peningkatan perbelanjaan pendidikan dan kesihatan menambahkan beban kewangan ibu bapa, terutama mereka yang sudah melalui perceraian. Dalam hal ini, kajian akan menyentuh bagaimana kos sara hidup yang berubah memberi impak kepada kesesuaian perintah nafkah yang ditetapkan sebelum ini.

Isu lain yang akan dikaji adalah cabaran yang dihadapi oleh pihak yang ingin memohon perubahan perintah nafkah akibat peningkatan kos sara hidup. Proses ini sering melibatkan kekangan kewangan, birokrasi mahkamah, dan kos guaman yang tinggi, yang boleh menyukarkan ibu yang menjaga anak untuk mendapatkan nafkah yang mencukupi. Akhirnya, kajian ini akan meneliti sejauh mana terdapat perbezaan dalam tafsiran undang-undang keluarga Islam dan sivil berkaitan kos sara hidup sebagai asas untuk perubahan perintah nafkah anak. Sistem perundangan Islam dan sivil mungkin mempunyai pendekatan berbeza dalam mempertimbangkan keperluan anak-anak berdasarkan kos sara hidup yang semakin meningkat.

OBJEKTIF DAN METODOLOGI

Objektif penulisan artikel ini adalah untuk mengenal pasti peruntukan berkaitan pengubahan perintah nafkah anak-anak dalam undang-undang keluarga Islam dan sivil di Malaysia. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menganalisis keadaan-keadaan



yang menyebabkan perubahan perintah nafkah boleh dibuat oleh pihak-pihak khususnya yang berkaitan perubahan kos sara hidup. Penulisan ini adalah dalam bentuk kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan serta analisis kes. Data dikumpulkan melalui analisis dokumen, merangkumi sumber primer seperti kes-kes yang dilaporkan, jurnal undang-undang dan perundangan keluarga Islam serta sivil. Di samping itu, sumber sekunder seperti artikel, buku, jurnal, akhbar, laman web, dan kajian terdahulu turut dimanfaatkan. Data kes diperoleh daripada laporan kes yang berkaitan dengan permohonan perubahan perintah nafkah anak, seperti yang diterbitkan dalam jurnal dan laporan kes undang-undang. Data-data ini kemudian dianalisis secara deskriptif dan komparatif, dengan fokus kepada perbandingan antara undang-undang keluarga Islam dan undang-undang keluarga sivil.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara literal, nafkah berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *al-Infaq* yang bermaksud membayar, membelanja dan mengeluarkan wang ringgit (Az-Zuhaily, 2009). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, nafkah bermaksud wang untuk memiliki makanan dan lain-lain yang diperlukan untuk memelihara hidup atau sara hidup (Kamus Dewan, 2005). Selain itu, ia juga bermaksud perbelanjaan dan lain-lain yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri. Oleh itu, pengertian nafkah meliputi semua perkara yang diperlukan oleh manusia seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal yang menepati konteks mengeluarkan belanja atau sara hidup bagi mereka yang dikehendaki atas seseorang untuk membiayai dan menanggung nafkah. Secara amalnya dalam sebuah institusi keluarga, mengikut ketetapan hukum syarak dan undang-undang, suami atau bapa yang wajib menanggung nafkah isteri dan anak-anaknya.

Justeru, dapatan kajian telah menggariskan tiga aspek penting berikut iaitu perintah nafkah anak, penetapan kadar nafkah anak dan pengubahan perintah nafkah anak serta kaitannya dengan keperluan kos sara hidup menurut undang-undang keluarga Islam dan sivil di Malaysia.

Perintah Pembayaran Nafkah Anak

Hukum Syarak telah menetapkan bahawa kewajipan membayar nafkah anak adalah terletak ke atas bapa sama ada dalam tempoh perkahwinan atau selepas perceraian ibu bapa. Kelayakan terhadap nafkah ini berasaskan hubungan persaudaraan yang diasaskan pada pertalian darah serta keturunan (Badruddin & Azizah, 2013). Kewajipan ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.

(Al-Baqarah, 2: 233)



Berdasarkan ayat di atas jelas menunjukkan kewajipan bapa kandung untuk menyediakan nafkah kepada anak-anak tanggungannya. Kewajipan ini akan berterusan selagi bapa mempunyai kemampuan dan berkeupayaan untuk bekerja. Peruntukan undang-undang keluarga Islam juga jelas menunjukkan bahawa bapa bertanggungjawab menanggung nafkah anak (Nora. 2007). Sebagai contoh, seksyen 73 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (EUKI Selangor 2023) menyatakan bahawa:

Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Ketetapan yang sama juga terdapat dalam undang-undang keluarga sivil mengenai tanggungjawab menanggung nafkah anak-anak. Walau bagaimanapun, menurut undang-undang sivil, tanggungjawab untuk menanggung nafkah anak-anaknya boleh diperintahkan kepada ibu bapa sebagaimana peruntukan dalam Seksyen 92 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (AMU). Menurut seksyen ini adalah menjadi kewajipan bagi ibu bapa untuk menanggung nafkah anak-anak. Kewajipan ini termasuk menyediakan keperluan makan minum, pelajaran, tempat tinggal dan rawatan kesihatan (Mimi Kamariah. 1994). Kewajipan membayar nafkah juga wajib kepada anak-anak yang ditinggalkan di bawah jagaan orang lain selagi ikatan kekeluargaan masih wujud. Walau bagaimanapun dari segi amalan kebiasaan, kewajipan menanggung nafkah akan diutamakan kepada bapa. Walaupun, anak berada dalam jagaan orang lain tetapi masih wujud ikatan kekeluargaan atau suatu perintah telah dibuat, tanggungjawab nafkah tetap berterusan (Nor Aini. 2012).

Selain itu, undang-undang keluarga Islam dan sivil memperuntukkan mengenai kuasa Mahkamah untuk memerintahkan nafkah ke atas lelaki atau bapa bagi kanak-kanak dalam empat situasi iaitu sekiranya dia enggan atau cuai mengadakan peruntukan dengan munasabah bagi anaknya atau jika dia meninggalkan langsung isterinya dan anaknya dalam jagaan isteri atau semasa menanti keputusan sesuatu prosiding suami isteri atau apabila perintah hak jagaan anak diserahkan kepada seseorang lain. Peruntukan ini berdasarkan seksyen 74 EUKI Selangor 2003 dan Seksyen 93 AMU 1976. Walau bagaimanapun, terdapat penambahan situasi lain yang membolehkan perintah nafkah dibuat menurut undang-undang keluarga Islam iaitu mahkamah berkuasa mengeluarkan perintah nafkah anak apabila suami/bapa mendapat kebenaran poligami menurut seksyen 23.

Selain daripada peruntukan dalam AMU bagi undang-undang keluarga sivil, tuntutan nafkah juga boleh dibuat di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak



(Nafkah)1950. Akta ini membenarkan tuntutan nafkah terhadap anak di buat walaupun tiada petisyen perceraian dan perkahwinan masih wujud sekiranya suami menolak atau gagal memberi nafkah sepanjang tempoh perkahwinan. Menurut Seksyen 3 Akta tersebut, suami boleh diperintahkan membayar nafkah dalam kadar yang bersesuaian dengan kemampuannya atau jumlah yang dianggap oleh mahkamah sebagai munasabah. Mahkamah akan memberi pertimbangan kepada jumlah gaji suami, jenis pekerjaan, tanggungjawab dan sebagainya.

Sekiranya mahkamah mendapati suami masih enggan membayar nafkah, tindakan terhadap suami juga boleh diambil di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Menguatkuasakan Nafkah) 1968 dan Akta Perintah Nafkah (Kemudahan bagi Penguatkuasaan) 1949. Kedua-dua akta ini digubal bagi menjamin agar perintah nafkah yang telah dikeluarkan dapat dikuatkuasa sepenuhnya terhadap suami. Seksyen 4 Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Menguatkuasakan Nafkah) 1968 membolehkan pihak isteri semasa membuat permohonan nafkah, memohon untuk perintah potongan gaji dibuat. Di bawah akta ini, suami mestilah seorang yang bekerja dan mempunyai pendapatan dan juga mestilah mempunyai majikan. Bagi suami yang tidak mempunyai majikan, nafkah ini boleh dibayar melalui mahkamah (Noor Aziah, 2006). Peruntukan ini juga terpakai bagi perintah nafkah anak.

Manakala Akta Perintah Nafkah (Kemudahan bagi Penguatkuasaan) 1949 adalah untuk menguatkuasakan nafkah di negara lain yang mempunyai perjanjian dengan Malaysia. Ini sangat berguna bagi pasangan yang berkahwin dengan rakyat asing yang kemudiannya melarikan diri ke negara asalnya untuk tidak membayar nafkah. Antara negara yang boleh dikuatkuasakan perintah nafkah ialah England, Wales, Ireland Utara, Brunei, Singapura dan Afrika Selatan. (Noor Aziah, 2006)

Sehubungan itu, jelas bahawa menurut undang-undang keluarga Islam dan sivil, ibu boleh mendapatkan perintah daripada mahkamah supaya bapa menanggung nafkah anak-anaknya. Perintah nafkah oleh bapa ini akan kekal sehingga tamat tempohnya atau sehingga terdapat perubahan berdasarkan kepada keperluan dan perkembangan semasa yang berlaku kepada penerima nafkah atau penanggung nafkah. Justeru, hak untuk menuntut nafkah daripada bapa kandung boleh dibuat oleh si ibu bagi pihak anak-anaknya sama ada dalam tempoh perkahwinan sekiranya bapa cuai atau culas menanggung nafkah anak-anak atau selepas berlaku perceraian.

Walau bagaimanapun, undang-undang keluarga Islam menetapkan bahawa kewajipan menanggung nafkah anak oleh bapa kandung akan berpindah kepada waris yang lain mengikut tertib faraid sekiranya berlaku kematian atau ketidakmampuan bapa (Bahiyah et al. 2016). Seksyen 73 (2) 61, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 menerangkan hal tersebut: Seksyen 73 (2):

(2) Kecuali seperti tersebut di atas, adalah menjadi kewajipan seseorang yang bertanggung di bawah Hukum Syarak, supaya menanggung nafkah atau memberi sumbangan kepada nafkah kanak-kanak jika



bapa kanakkanak itu telah mati atau tempat di mana bapanya berada tidak diketahui atau jika dan setakat mana bapanya tidak berupaya menanggung nafkah mereka.

Penetapan Jumlah Nafkah Bagi Anak

Penetapan kadar nafkah anak-anak telah diperuntukkan secara umum dalam undang-undang keluarga di Malaysia sama ada undang-undang keluarga Islam atau undang-undang keluarga sivil. Ia hanyalah panduan umum bagi hakim syarie dan hakim sivil mentaksirkan kadar nafkah yang bersesuaian berasaskan kepada dua perkara utama iaitu kemampuan bapa sebagai penanggung nafkah dan keperluan anak-anak sebagai penerima nafkah. Seksyen 72 (1) EUKI Selangor 2003 memperincikan mengenai keperluan nafkah anak, iaitu: Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandangkan kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Jika dilihat kepada peruntukan ini, tidak ada bezanya dengan apa yang telah diperuntukkan dalam undang-undang keluarga sivil mengenai pentaksiran nafkah anak bagi orang-orang bukan Islam. Undang-undang keluarga sivil memperuntukkan kewajipan nafkah anak adalah dalam bentuk sumbangan terhadap keperluan anak dari aspek tempat tinggal, pakaian, makanan dan pendidikan sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira kemampuan dan kedudukan serta taraf hidup seseorang anak sebelum berlakunya perceraian berdasarkan seksyen 92 AMU 1976. Aspek kemampuan penanggung nafkah dan keperluan yang munasabah bagi penerima nafkah iaitu anak-anak adalah asas dalam penetapan kadar nafkah sama seperti dalam undang-undang keluarga Islam.

Kajian mendapati keperluan nafkah anak-anak adalah dari segi menyediakan keperluan asas anak-anak seperti tempat tinggal, pakaian, makanan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah mengikut kepada kemampuan dan kedudukan si penanggung nafkah iaitu bapa. Ia dibuktikan dalam kajian Bahiyah et al. (2013) bahawa tanggungjawab bapa menyediakan nafkah anak seperti tempat tinggal, makanan, pakaian, perubatan, pelajaran dan sebagainya berdasarkan kepada kemampuan dan kedudukan bapa. Ini bermaksud asas pertimbangan utama di dalam menentukan kadar nafkah anak masih kekal sehingga kini iaitu kemampuan bapa dan keperluan anak-anak. Jika hanya merujuk kepada kemampuan bapa tanpa menilai keperluan anak-anak, dikhuatiri akan berlaku zalim kepada anak-anak. Begitu juga sebaliknya, jika hanya merujuk kepada keperluan anak tanpa melihat kemampuan bapa akan menyebabkan kesusahan kepada bapa (Zaini Nasohah, 2018).



Pentaksiran nafkah anak juga perlu disesuaikan dengan keperluan dan perkembangan semasa tanpa menghadkan hanya kepada keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan perubatan sahaja. Ini kerana menurut Zaini Nasohah (2018), keputusan mengenai perintah nafkah anak pada masa kini boleh dikategorikan kepada penetapan nafkah utama dan nafkah-nafkah sampingan sebagai tambahan untuk keselesaan hidup anak berkenaan. Nafkah utama melibatkan keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, kos pendidikan dan perubatan manakala nafkah sampingan adalah keperluan tambahan seperti kos percutian, persiapan hari raya dan sebagainya. Ini kerana menurut kajian Zaini Nasohah (2018), keperluan anak-anak telah berubah mengikut peredaran zaman dengan pelbagai tafsiran yang dilihat amat bersesuaian dan munasabah yang diguna pakai dalam undang-undang sebagai suatu kelonggaran kepada Mahkamah untuk melihat keperluan yang asasi dan bukannya kehendak atau keinginan terhadap suatu keperluan yang mendesak.

Permohonan Pengubahan Perintah Nafkah Anak dan Pengaruh Kos Sara Hidup Pihak-pihak

Perintah nafkah anak yang dikeluarkan oleh mahkamah dalam kes tuntutan nafkah anak tidak bersifat tetap, kerana ia boleh diubah melalui permohonan oleh mana-mana pihak yang terlibat berdasarkan keperluan semasa. Pengubahan perintah nafkah, menurut undang-undang, ialah satu permohonan yang dikemukakan kepada mahkamah untuk mengubah butiran perintah nafkah yang telah dikeluarkan sebelumnya, disebabkan perubahan dalam keadaan (perubahan matan). Permohonan ini boleh melibatkan penambahan atau pengurangan jumlah nafkah, atau mengubah cara pembayaran nafkah tersebut. Permohonan pengubahan ini boleh dibuat oleh sama ada bapa atau ibu, bergantung kepada keperluan anak-anak. Sekiranya terdapat kepentingan dalam membiayai anak, permohonan boleh dikemukakan pada bila-bila masa dengan alasan dan bukti yang menyokong sama ada untuk mengurangkan atau menambah jumlah nafkah anak (Mohd Hazwan Ismail, 2023).

Seksyen 76 EUKI Selangor 2003 memperuntukkan mengenai kuasa mahkamah syariah untuk mengubah perintah nafkah anak:

Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang yang ada mempunyai kepentingan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengubah, atau boleh pada bila-bila masa membatalkan, sesuatu perintah mengenai penjagaan atau nafkah seseorang anak, atas permohonan orang yang berhak menerima atau yang kena membayar nafkah itu menurut perintah yang telah dibuat, jika mahkamah berpuas hati, bahawa perintah itu telah diasaskan atas sesuatu salah pernyataan atau kesilapan fakta atau jika sesuatu perubahan matan telah berlaku tentang hal keadaan.



Begitu juga menurut undang-undang keluarga sivil, perintah nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah di bawah seksyen 92 AMU 1976 bukan merupakan satu perintah yang mutlak. Permohonan untuk mengubah perintah nafkah anak boleh dibuat sebagaimana seksyen 96 AMU 1976 yang memperuntukan seperti berikut:

Mahkamah boleh pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa mengubah atau boleh membatalkan sesuatu perintah mengenai penjagaan atau nafkah seorangan anak atas permohonan mana-mana orang yang mempunyai kepentingan, jika mahkamah berpuas hati bahawa perintah itu adalah berdasarkan atas sesuatu salah nyataan atau kesilapan fakta atau sesuatu perubahan material telah berlaku tentang hal keadaan.

Sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang, tanggungjawab untuk membayar nafkah tidak boleh dipindahkan kepada orang lain, dan pihak yang bertanggung jawab perlu mematuhi perintah tersebut. Namun, perintah nafkah boleh diubah jika pihak yang memohon dapat membuktikan di mahkamah bahawa telah berlaku perubahan dalam keadaan kehidupan yang boleh mempengaruhi jumlah nafkah yang perlu dibayar. Perubahan ini mungkin berkaitan dengan kemampuan kewangan, serta keupayaan fizikal dan mental pihak yang terlibat (Noriah Ibrahim, 2015).

Asas yang penting dalam permohonan pengubahan perintah nafkah anak adalah apabila berlaku perubahan matan atau perubahan material sama ada kepada penerima nafkah iaitu anak atau penanggung nafkah iaitu bapa. Perintah nafkah boleh diubah sekiranya hal keadaan orang yang mendapat nafkah telah berubah, hal keadaan orang yang menanggung nafkah telah berubah, peningkatan umur dan perbelanjaan anak-anak, kos perbelanjaan sara hidup telah berubah, keperluan semasa yang mendesak dan keperluan lain yang munasabah (<https://www.jbg.gov.my/images/doc/risalah/nafkah.pdf>. 24 Oktober 2023).

Oleh itu, menurut Mohd Hazwan (2023), perubahan nafkah berhubung kait dengan kadar jumlah dan kadar nafkah yang telah diperintahkan tersebut boleh diubah dengan cara memohon semula di mahkamah. Hakim akan menilai semula dan boleh diperintahkan sama ada perubahan tersebut berjaya diubah dengan menaikkan kadar jumlah, mengurangkan kadar jumlah dan juga boleh mengekalkan kadar jumlah seperti sebelumnya. Perubahan perintah nafkah ini adalah wajar bagi menjamin hak dan peluang kedua-dua pihak yang terlibat dengan perintah nafkah anak untuk mendapat nafkah yang mencukupi atau untuk membiayai nafkah mengikut keperluan kos sara hidup yang boleh jadi meningkat mengikut perkembangan semasa. Kos sara hidup adalah kos yang terpaksa ditanggung oleh isi rumah bukan sahaja untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal tetapi juga keperluan-keperluan lain untuk keselesaan hidup termasuk kos pendidikan, kos sambungan jalur lebar dan kos kenderaan untuk kegunaan harian (Julisza. 2014).

Oleh itu, permohonan pengubahan perintah nafkah anak boleh dibuat di mahkamah syariah bagi orang Islam atau mahkamah sivil bagi orang bukan Islam oleh ibu/anak



atau bapa sendiri sebagai defendan dalam kes asal perintah nafkah anak tersebut. Dalam kes *Muhammad Zaiman Bin Jarmin lwn. Norasiah Bt Majid* [2009] 2 SHLR 153, plaintif diperintahkan membayar nafkah anak untuk tiga orang anak sebanyak RM450 sebulan. Bayaran tersebut dibuat kepada defendan melalui potongan gaji plaintif. Di dalam kes ini plaintif memohon mengubah perintah nafkah anak tersebut kepada RM250 sebulan. Plaintif memaklumkan bahawa beliau sudah sukar mendapat elaun kerja lebih masa dan menyebabkan hidup beliau susah. Plaintif bekerja sebagai operator pengeluaran dengan pendapatan kasar sebanyak RM847.03 sebulan termasuk elaun. Mahkamah berpuashati plaintif telah mengalami kesempitan hidup masa ini iaitu berlaku perubahan matan selepas perintah nafkah yang asal. Oleh itu, mahkamah memutuskan nafkah anak untuk anak pertama dan kedua sebanyak RM120 sebulan setiap seorang dan anak ketiga sebanyak RM90 sebulan berjumlah RM330 sebulan memandangkan anak mereka masih kecil dan difikirkan cukup untuk keperluan pada masa ini kerana nafkah anak boleh dipohon mengikut keperluan semasa anak. Begitu juga dalam kes yang diputuskan di mahkamah sivil. Contohnya kes *Anna Tay Siew Hong lwn. Joseph Ng Tiong Yong* (1995) 3 CLJ 717, bahawa Responden telah memfailkan perintah penggubahan nafkah atas alasan dia telah berumur 60 tahun, sedang menghidap pelbagai penyakit, tiada kerja tetap dan terpaksa menanggung isteri kedua. Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat perubahan matan tentang sesuatu hal keadaan Responden dan Responden menanggung kesusahan terhadap perintah nafkah yg asal. Oleh itu, tuntutan responden dibenarkan oleh mahkamah.

Selain itu, dalam kes *Azrina Bt Omar lwn. Ghazali Bin Sharudin* [2011] 2 SHLR 6. Defendan telah dikenakan perintah membayar nafkah 3 orang anaknya sebanyak RM500 sebulan. Plaintif kemudiannya memfailkan permohonan untuk menuntut perubahan ke atas nafkah semasa anak-anak kepada RM1,500 sebulan, perbelanjaan bagi sesi awal persekolahan anak-anak sebanyak RM1,750 setahun dan perbelanjaan bagi hari perayaan anak-anak sebanyak RM2,250 setahun. Mahkamah dalam keputusannya memutuskan bahawa jumlah yang dituntut oleh plaintif adalah tidak munasabah dan berbentuk kemewahan yang boleh memberi kemudahan kepada anak-anak maka ianya tidak perlu dipertimbangkan kerana telah berlawanan dengan konsep kemaslahatan.

Kes ini boleh menjadi sandaran kepada asas kemampuan bapa dalam menanggung nafkah anak iaitu bukanlah dikira dari sudut kewangan dan faktor gaji defendan semata-mata tetapi juga dari segi fizikal (sihat) untuk mencari rezeki bagi menampung keperluan diri dan anak-anak. Manakala kepentingan dan keperluan anak-anak yang sangat-sangat diperlukan bagi menjamin kemaslahatan mereka pula melibatkan keperluan asasi atau *daruriyyat* meliputi makanan, pakaian tempat tinggal dan bayaran pendidikan. Dalam kes *Lim Bee Kee lwn. Leong Ah Chuan* (1950) MLJ 145 di mahkamah sivil pula, Responden telah membayar nafkah sebanyak RM600 kepada perayu dan 3 orang anak mereka. Responden telah memohon kepada Mahkamah agar jumlah tersebut dikurangkan kepada RM300 tetapi ditolak oleh Mahkamah atas alasan tiada sebarang perubahan matan yg berlaku yang membolehkan perintah nafkah tersebut diubah.



Justeru, jelas bahawa keperluan terhadap kos sara hidup sama ada bertambah atau berkurang akan menjadi faktor utama kepada permohonan perubahan perintah nafkah anak-anak kerana ia meibatkan keperluan anak-anak dan kemampuan bapa sebagai penanggung nafkah. Jika perubahan berlaku terhadap bapa contohnya kehilangan pekerjaan atau dikurangkan gaji atau pendapatan yang memberi kesan kepada keperluan sara hidupnya maka ia menyebabkan bapa itu tidak berkemampuan lagi untuk membiayai nafkah anak sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah. Begitu juga sekiranya terdapat keperluan yang meningkat berkaitan kos sara hidup bagi anak-anak disebabkan peningkatan umur atau perkembangan pendidikan atau perubahan tahap kehidupan atau kesihatan, ia juga akan menyebabkan keperluan kepada perubahan perintah nafkah anak dibuat oleh ibu sebagai penjaga anak atau oleh anak itu sendiri.

Justeru, hasil kajian menunjukkan bahawa dalam sistem perundangan Malaysia, penetapan dan pengubahan nafkah anak adalah aspek penting yang memastikan tanggungjawab kewangan terhadap anak-anak dilaksanakan dengan adil. Kedua-dua undang-undang keluarga Islam dan sivil menekankan bahawa nafkah anak harus diberikan berdasarkan kemampuan penanggung nafkah dan keperluan anak-anak, termasuk keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan, pakaian, pendidikan, serta keperluan tambahan yang mungkin timbul. Dengan keadaan yang sentiasa berubah, seperti peningkatan kos sara hidup, terdapat keperluan untuk mengubah perintah nafkah bagi memastikan keadilan dan kesesuaian.

Penetapan kadar nafkah di Malaysia diperuntukkan oleh undang-undang keluarga Islam dan sivil. Dalam undang-undang Islam, Seksyen 72(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 menyatakan bahawa bapa bertanggungjawab menyediakan nafkah berdasarkan kemampuan dan taraf hidup. Sementara itu, Seksyen 92 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 menetapkan tanggungjawab serupa untuk ibu bapa dalam undang-undang sivil. Penetapan ini berfungsi untuk memastikan nafkah yang diberikan adalah adil dan sesuai dengan keperluan anak-anak.

Perubahan kos sara hidup dan keperluan anak-anak memainkan peranan penting dalam menentukan kadar nafkah yang sepatutnya disediakan oleh bapa. Kajian menunjukkan bahawa tanggungjawab bapa dalam menyediakan nafkah anak mesti mengambil kira kedua-dua aspek iaitu kemampuan kewangan penanggung nafkah dan keperluan asas anak-anak (Bahiyah et al., 2013; Zaini Nasohah, 2018). Dalam konteks yang sentiasa berubah ini, keperluan untuk melakukan pengubahsuaian pada perintah nafkah menjadi semakin relevan, memandangkan kos sara hidup yang terus meningkat dapat mempengaruhi kehidupan harian anak-anak. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan bahawa kadar nafkah yang ditetapkan tidak hanya berdasarkan situasi semasa, tetapi juga dapat disesuaikan dengan sebarang perubahan yang berlaku.

Mekanisme pengubahsuaian perintah nafkah, yang membolehkan pihak berkepentingan untuk memohon perubahan, adalah aspek kritikal dalam memastikan



keadilan bagi semua. Seksyen 76 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (EUKI) Selangor 2003 dan Seksyen 96 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (AMU 1976) memberikan panduan jelas tentang proses ini, membenarkan pengubahan perintah nafkah berdasarkan perubahan material dalam keadaan sama ada melibatkan penerima nafkah, iaitu anak-anak, atau penanggung nafkah, iaitu bapa. Dengan adanya ketentuan ini, kadar nafkah dapat dikekalkan pada tahap yang relevan dan adil, memastikan bahawa keperluan asas anak-anak sentiasa terjamin meskipun terdapat perubahan dalam keadaan ekonomi atau sosial.

Oleh itu, secara keseluruhannya, sistem perundangan Malaysia menyediakan mekanisme yang komprehensif untuk memastikan kadar nafkah anak ditetapkan secara adil dan selaras dengan keadaan semasa. Undang-undang ini menggariskan bahawa tanggungjawab penanggung nafkah tidak hanya terbatas kepada kewangan, tetapi juga melibatkan aspek keperluan asas anak-anak seperti makanan, tempat tinggal, dan pendidikan. Dengan adanya proses permohonan pengubahan perintah nafkah, pihak-pihak yang terlibat, khususnya ibu bapa, mempunyai saluran untuk mengemukakan tuntutan berdasarkan perubahan keadaan yang mempengaruhi kehidupan mereka. Ini membolehkan kadar nafkah disesuaikan mengikut perubahan dalam kos sara hidup dan keadaan kewangan, yang seterusnya memastikan bahawa hak dan keperluan anak-anak dapat dipenuhi secara berterusan.

Permohonan untuk mengubah perintah nafkah menjadi langkah penting dalam menyeimbangkan tanggungjawab penanggung nafkah dan keperluan anak. Proses ini tidak hanya melindungi hak anak-anak, tetapi juga memberi peluang kepada penanggung nafkah untuk menunjukkan situasi kewangan mereka yang sebenar. Peruntukan perundangan seperti Seksyen 76 EUKI Selangor 2003 dan Seksyen 96 AMU 1976 memberikan panduan yang jelas tentang syarat-syarat dan prosedur untuk pengubahan ini, membolehkan mahkamah menilai dan membuat keputusan berdasarkan bukti yang dikemukakan. Dengan demikian, undang-undang bukan sahaja berfungsi sebagai pelindung hak anak-anak tetapi juga memastikan bahawa semua pihak terlibat dalam proses ini diberi perhatian dan keadilan yang sewajarnya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, proses penetapan dan pengubahan nafkah anak dalam undang-undang Malaysia, baik melalui perundangan keluarga Islam mahupun sivil, memerlukan perhatian serius terhadap keseimbangan antara kemampuan kewangan penanggung nafkah dan keperluan anak-anak. Penentuan nafkah yang adil melibatkan penilaian mendalam mengenai kemampuan bapa serta keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan, pakaian, dan pendidikan, di samping keperluan tambahan yang mungkin muncul. Dengan adanya mekanisme peruntukan perubahan perintah nafkah dalam undang-undang, kadar nafkah dapat diselaraskan dengan perubahan kos sara hidup dan keadaan kewangan agar dapat memastikan keadilan bagi semua pihak terlibat.



Di samping itu, pentingnya mekanisme ini adalah untuk menyesuaikan kadar nafkah dengan perubahan dalam konteks ekonomi dan sosial yang mempengaruhi keperluan anak-anak. Fleksibiliti dalam undang-undang membolehkan keputusan nafkah tetap relevan dan berkesan dalam memenuhi keperluan asas serta kesejahteraan anak-anak secara berterusan. Oleh itu, adalah amat penting bagi sistem perundangan untuk terus memantau dan menyesuaikan peruntukan nafkah anak agar hak dan keperluan semua pihak dapat dijaga dengan berkesan.

RUJUKAN

- Abdul Hak, N. 2007. Jaminan Hak Nafkah Anak-anak. Dalam Najibah Mohd Zin et al. Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia Undang-undang Keluarga (Islam). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah. N. A. 2012. Undang-Undang Keluarga Di Malaysia, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad, B., Abd. Wahab, Mazni, Azahari, R. & Ab. Rahman, A. 2016. Pentaksiran Nafkah Anak Berasaskan Kriteria Kifayah Dan Ma'ruf: Kajian Kes Di Malaysia. *The 1st International Conference on Islam and Contemporary Issues in The Muslim World: Challenges and Way Forward*, 5-6 Disember 2016, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Az-Zuhaili, M. 2009. *Al-Mu'tamad Fiqah Imam Syafi'i*. Terj. HM. Yusuf Sinaga MA & Muhammad Harun Zain. Jil. 4. Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Chua, N. A. 2006. *Family Law For Non Muslim In Malaysia*. Petaling Jaya.
- Ibrahim, B. dan Mohd, A. 2013. Hak Anak Terhadap Nafkah Dalam Perundangan Islam: Sejauh Manakah Bapa Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya. *KANUN*. 25(2). 255-272
- Ibrahim, N. 2015. *Family Law For Non Muslim In Malaysia*. IIUM Press: Kuala Lumpur.
- Ismail, M.H. 2023. Perubahan Perintah Nafkah Anak Mengikut Kepada Keperluan Semasa: Kajian Di Negeri-Negeri Zon Utara. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*. Vol. 18, (Jan). 29-37
- Mat Hussin, M. N., & Aizat Fauzi, M. F. (2023). Pembayaran nafkah anak melalui potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja: Suatu alternatif. *UUM Journal of Legal Studies*, 14(1), 333-363. <https://doi.org/10.32890/uumjls2023.14.1.13>
- Majid, M. K. 1994, *Undang- Undang Keluarga Malaysia*. Singapore: Butterworths Asia.
- Mohd Awal, N. A. 2006. *Wanita dan Undang-Undang*. Petaling Jaya: ILBS.



Mohd, N. 2013. *Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah*. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Anugerah Cekal Sdn. Bhd.

Nasohah, Z. 2018. Analisa Keputusan Mahkamah Syariah Dalam Penentuan Kadar Dan Bentuk Nafkah Anak. *Proceeding 3rd International Seminar on Islamic Thought*.

Sabtu, J. 2004. *Dimensi KOOP*. Kuala Lumpur: Institut Koperasi Malaysia.

Statut:

Akta Memperbaharui Undang- Undang (Perkahwinan Dan Penceraian)1976.

Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (nafkah) 1950

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

Kes-kes:

Anna Tay Siew Hong lwn. Joseph Ng Tiong Yong (1995) 3 CLJ 717

Azrina Bt Omar lwn. Ghazali Bin Sharudin [2011] 2 SHLR 6

Lim Bee Kee lwn. Leong Ah Chuan (1950) MLJ 145

Muhammad Zaiman Bin Jarmin lwn. Norasiah Bt Majid [2009] 2 SHLR 153